

AL-HIKMAH

FORUM ISTAC

Menjana Akal-Budi Ummat

BIL. 2 / TAHUN 4, April-Ogos 1998

KDN PP10123/11/97

KANDUNGAN

Kesebatian Adab dalam Pentadbiran Islam
Mohd. Zaidi Ismail
m.s. 2 - 9

The Transcendent Unity of Religions:
A Preliminary Response
Wan Azhar Wan Ahmad
m.s. 10 - 17

Kebudayaan Barat dan Pegangan Hidupnya
Mohd. Sani Badron
m.s. 18 - 26

Asal-Usul Kemunculan Falsafah dan Sains
Yunani
Adi Setia Muhammad Dom
m.s. 27 - 38

Al-Sanusi: Bintang Afrika yang Bersinar
hingga ke Rantau Melayu
Che Razi Jusoh
m.s. 39 - 44

Kedudukan Syarah dalam Tradisi Islam
Abdul Latif Abdul Razak
m.s. 45 - 51

Gambar oleh jurufoto ISTAC
Hasan Abd. Ghani



Kedudukan Syarah dalam Tradisi Islam

Oleh

Abdul Latif Abdul Razak

Perkataan syarah jika dirujuk kepada kepada Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan membawa maksud huraian, penjelasan dan ulasan. Namun, sekiranya imbuhan 'an' dimasukkan kepada kata nama tersebut "syarahan", ia memberi satu makna biasa yang sering kita dengar seperti apabila kita menyebut 'syarahan agama', 'syarahan umum' dan sebagainya. Makna-makna ini bukanlah makna yang kita maksudkan dengan syarah yang kedudukannya dalam tradisi Islam akan kita bincangkan dalam tulisan ringkas ini. Yang dimaksudkan dengan syarah di sini adalah sepertimana yang ditakrifkan dalam kamus-kamus besar Islam seperti *Ṣihhah* karangan al-Jawhari dan kitab *'Ubāb* karangan al-Saghāni iaitu sebagai satu usaha memberi makna yang lebih mendalam ke atas keseluruhan sesuatu hasil tulisan baik dalam bentuk tulisan mahupun ungkapan. Adapun pensyarahnya mungkin pengarang itu sendiri atau orang lain yang menguasai disiplin yang berkenaan. Antara contoh karya yang berbentuk syarah yang dibuat oleh pengarangnya sendiri adalah *Kitab Sharḥ al-Maqāṣid* karangan Taftazāni yang mensyarahkan kitab utamanya *al-Maqāṣid*, manakala karya-karya yang berbentuk syarah kepada hasil karya oleh orang lain terlalu banyak sekali, misalnya dalam bidang Hadith, *Kitāb Dalīl al-Fāliḥin liṭuruq Riyāḍ 'l-Ṣāliḥin* karangan 'Allal al-Ṣiddiqi iaitu syarah kepada *Kitāb Riyāḍus al-Ṣāliḥin* karangan Imam al-Nawāwī; dalam bidang lughah, *Kitab Kawākib al-Durriyyah* oleh al-Ahdal yang merupakan syarah kepada *Matan al-Ājarumiyyah* oleh Ibn Ājarum (yang disempurnakan oleh al-Ḥaṭṭāb); dalam bidang taṣawwuf, *Kitab Faṭḥ al-Raḥman* karangan Shaykh Zakariyya Ansari yang merupakan syarah kepada *Kitāb Risālat al-Tawḥid* karangan Shaykh Raslan al-Dimashqī dan *A Commentary on The Ḥujjat al-Ṣiddiq* oleh Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas yang merupakan syarah kepada *Kitāb Ḥujjat al-Ṣiddiq* karangan Shaykh Nūr al-Dīn al-Rāniri; dalam bidang sains, *Ṭabī'iyyāt Ishārāt* dan *Ṭabī'iyyāt Shifā'* oleh Nasaruddin al-Tūsi merupakan syarah kepada *Ishārāt* dan *Shifā'* karangan Ibn Sina; dan dalam bidang falsafah, *Tafsīr Mā Ba'da al-Ṭabī'ah* karangan Ibn Rushd merupakan syarah kepada *Metaphysics*

karangan Aristotle, dan banyak lagi.

Syarah merupakan aspek penting dalam tradisi keilmuan Islam. Banyaknya karya-karya syarah bukanlah bermaksud ulama-ulama kita kekeringan dan ketandusan idea dan hilang keasliannya dalam menghasilkan tulisan-tulisan sendiri, namun sebenarnya golongan ulama ini berusaha memperkayakan perbendaharaan makna bagi menyesuaikan istilah-istilah dan perbincangan rumit dan rencam mengikut situasi dan keperluan semasa. Ini adalah amat perlu kerana sebahagian besar hasil tulisan ulama-ulama kita dipersembahkan dalam bentuk matan atau mukhtaşar yang terlalu ringkas tetapi padat bertujuan untuk memudahkan hafalan dan kesinambungan pemikiran. Kita perlu faham bahawa matan atau mukhtaşar ini umpama biji benih yang apabila diserakkan akan bercambah menjadi pepohon rendang bilamana keadaan persekitaran dimana biji benih tadi jatuh melengkapi syarat-syarat dan keperluan untuk sesuatu biji benih bercambah. Matan atau mukhtaşar tadi akan diperkayakan maknanya, diperluaskan tafsirannya dan diperdalamkan kefahamannya bilamana adanya orang yang berkemampuan melakukannya dan timbul kesedaran akan keperluannya. Sebab itu bila kita renung sejarah penulisan karya yang berbentuk syarah, kita akan dapati ianya satu tradisi yang berterusan. Lihatlah al-Qur'ān, yang syarahnya dipersembahkan dalam bentuk tafsir-tafsir di antaranya yang muktabar adalah *Tafsir Ibn Kathīr*, *Tafsir al-Baidāwi*, *Tafsir Zamakhshari*, *Tafsir Qurṭubi* dan lain-lain lagi. Dalam ilmu hadith yang menjadi sumber rujukan kedua Islām, kita akan bertemu dengan *Dalīl al-Fāliḥīn* yang merupakan syarah kepada *Riyāḍ 'l-Şāliḥīn* dan *Irshād al-Sārī* dan *Fatḥ al-Bārī* yang merupakan syarah kepada *Şaḥīḥ al-Bukhārī*. Dalam aspek ilmu bantu atau ilmu alat terutamanya lughah misalnya *Kitāb Kawākib al-Durriyyah* iaitu merupakan syarah kepada *Matn al-Ājarumiyyah* dan *Sharḥ Alfīyyah* pula adalah syarah kepada *Kitāb Alfīyyah*.

Jika kita halusi tujuan ulama-ulama kita menghasilkan tulisan yang berbentuk syarah, maka kita akan dapati empat tujuan utama. Tujuan yang pertama ialah untuk menghidupkan kembali sesuatu karya yang mungkin tampak mati lantaran rasa ketidakperluan terhadapnya lagi. Tujuan yang kedua ialah untuk menghuraikan makna setiap istilah utama samada dari segi bahasa (*lughah*), dari segi tuntutan agama (*shari'ah*) seperti yang dimaklumkan oleh al-Qur'ān dan Hadith, atau dari segi makna teknikal dalam bidang-bidang tertentu seperti tasawwuf, kalam, falsafah, matematik,

fizik, perubatan dan sebagainya. Adapun tujuan ketiga ialah untuk menyesuaikan makna-makna yang terkandung dalam sesuatu matan itu dengan kefahaman semasa iaitu dengan mengulangungkapkan dengan bahasa yang difahami ketika itu. Ini bertujuan untuk memperkayakan perbendaharaan makna dan juga kefahaman masyarakat semasa. Adapun tujuan yang terakhir ialah untuk memperbetulkan kefahaman yang serong atau meleset tentang hal yang diperbincangkan.

Menyentuh tentang bentuk sesuatu syarah itu dibuat, kita sudah nyatakan diatas bahawa ia mungkin dipersembahkan dalam bentuk tulisan dan lisan. Syarah dalam bentuk lisan adakalanya berlaku secara formal dan tidak formal. Syarah yang formal berlaku misalnya apabila seorang ulama mensyarahkan sesebuah kitab dalam majlis-majlis yang tertentu, manakala syarah yang tidak formal pula lebih kepada penghuraian dan ulasan yang bersifat spontan sewaktu berbual-bual, makan atau minum ataupun dalam bentuk pengamalan ulama tersebut yang memperjelaskan apa yang ditulisnya. Ini adalah kerana tidak semua perkara boleh dipersembahkan dalam bentuk tulisan. Ada diantaranya lebih jelas sekiranya dipersembahkan dalam bentuk amalan. Memahami hakikat ini, tidak hairanlah sekiranya kita mendapati Imam Malik menyertakan amalan ahli Madinah sebagai salah satu asas perundangan dalam mazhab beliau iaitu Mazhab Maliki. Ini memandangkan amalan ahli Madinah pada pendapat beliau merupakan satu syarah kepada sunnah yang diperakui oleh junjungan besar nabi Muhammad s.a.w.

Bila kita memperkatakan aspek syarah dalam bentuk lisan, kita sudah mengandaikan di sana wujudnya hubungan yang rapat yang bersifat bersemuka antara guru dengan muridnya. Hubungan yang sebegini sememangnya telah jelas dirakam dalam sejarah ilmu dan ulama Islām silam. Mereka sedaya upaya, berkorban apa saja baik harta benda, masa, tenaga dengan mengenyepikan kepentingan bersifat peribadi semata-mata untuk mendengar secara langsung dari mulut ulama-ulama besar. Keinginan untuk duduk mengadap dan menadah terus dari ulama-ulama besar membara dalam jiwa mereka. Mereka akan bersegera ke suatu tempat di mana kedengaran adanya guru-guru yang mashyur. Bertitik-tolak dari sinilah, tumbuhnya pusat-pusat ilmu Islam yang terkenal seperti Baghdad, Qurtubah, Kaherah dan sebagainya.

Budaya sebegini tampak semakin hari semakin terpinggir. Malah minat dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh generasi dahulu semakin lenyap dari hati kita

semua. Apa yang nyata, timbulnya budaya baru di mana kebanyakan kita lebih selesa membaca buku atau kitab dan sekaligus cuba memahaminya dengan keupayaan sendiri tanpa bantuan seseorang guru. Kita sepatutnya akur bahawa dalam hal ini ada dua kemungkinan; Pertamanya, mungkin apa yang difahami bersesuaian dengan kehendak pengarang, keduanya, kefahaman kita mungkin menyeleweng dari kehendak pengarang. Jikalaupun berlaku kemungkinan yang pertama, belum pasti keseluruhan isi karya itu dapat kita selami; tetapi seandainya berlaku kemungkinan yang kedua, maka kita akan terjerumus ke dalam salah faham yang membawa kepada kesesatan. Ini berlaku akibat sikap ketidakadilan kita kepada pengarang iaitu dengan silap memahami apa yang dimaksudkan oleh beliau, dan lantaran dari kesilapan itu kita akan menyesatkan diri sendiri dan orang lain. Kesilapan itu akan terus diperpanjangkan oleh orang lain, dan pastinya kitalah adalah penyumbang terbesar dalam kesesatan ini. Silap faham yang sedemikian tidak boleh dianggap sebagai kefahaman subjektif kita, malah jika dianggap sebagai fahaman yang berbeda-beda juga bukanlah alasannya. Secara dasarnya, syarah yang dilakukan oleh pengarang ke atas hasil karya beliau sendiri adalah yang terbaik kerana ia lebih menepati kehendak dan tujuan sesuatu karangan itu. Selain dari beliau, syarah biasanya dibuat oleh murid beliau yang terpilih atau mereka-mereka yang terkenal dalam bidang itu. Tradisi syarah ini nampaknya semakin berkurangan dan nampaknya tiada usaha yang gigih untuk mengembalikan kegemilangan tradisi ini. Persoalan yang timbul, apakah kita sekarang ini ketandusan ulama yang mampu memastikan kesinambungan tradisi ini, atau sememangnya mereka sudah kekeringan idea untuk menghasilkan tulisan asli yang baik atau setidak-tidaknya mensyarahkan hasil tulisan ulama silam kita?

Menyentuh persoalan ini, seorang ilmuan Islām terkemuka di rantau ini, Prof. Muhammad Naquib al-Attas merupakan pengecualian kepada krisis yang melanda golongan ulama kini. Beliau telah berusaha memastikan tradisi Islām silam ini diteruskan kesinambungannya bukan sahaja dalam bentuk tulisan malah juga lisan. Syarah beliau terhadap *Kitab Hujjat al-Şiddiq* karangan Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīri memenuhi keseluruhan ke empat-empat tujuan utama sesuatu karya syarah itu dihasilkan. Beliau juga membuktikan dalam syarah beliau bahawa menghasilkan sesuatu karya syarah bukanlah perkara yang mudah, tetapi memerlukan penguasaan dan pemahaman yang mendalam dalam pelbagai disiplin terutamanya yang berkaitan

dengan karya yang hendak disyarah. Di samping itu, perkara lain yang mesti diambil kira ialah penguasaan yang mendalam terhadap bahasa asal karya berkenaan. Dalam penghuraian beliau terhadap istilah-istilah penting, Prof al-Attas telah memperlihatkan keasliannya dengan menghuraikan istilah-istilah penting seperti *al-dārāt* dan *wahdat al-wujūd* dengan huraian yang baru dan berdaya cipta.

Untuk memastikan kesinambungan tradisi syarah dalam bentuk lisan pula Prof. al-Attas telah mengambil langkah perlu dengan mengadakan syarahan setiap malam Sabtu di Dewan Persidangan ISTAC. Syarahan ini yang bermula pada jam 9 malam dan berakhir pada 11.30 adalah kelangsungan dari siri syarahan beliau terhadap bukunya *Pengenalan Kepada Metafizik Islām* (Prolegomena To The Metaphysics of Islām). Syarahan ini terbuka kepada semua individu yang berminat.